



**KENYATAAN MEDIA
MAJLIS PENGUMUMAN KEPUTUSAN
UJIAN PENILAIAN KELAS KAFA
(UPKK)**

TAHUN 2018

**Tarikh : 18 Disember 2018 (Selasa)
Masa : 9.00 pagi
Tempat : Bilik Jamuan
Aras 2, Blok B,
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Kompleks Islam Putrajaya**

Disempurnakan Oleh;

**YBhg. Datuk Mohamad Nordin bin Ibrahim
Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**

SULIT

PENDAHULUAN

1. Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK) merupakan peperiksaan yang dijalankan kepada murid-murid tahun lima (5) kelas KAFA bagi mengukur pencapaian mereka setelah mengikuti pembelajaran KAFA berdasarkan kurikulum yang ditetapkan.

MATLAMAT UPKK

2. Matlamat UPKK adalah untuk:

- i) Menilai tahap kemahiran / kebolehan pelajar dalam bidang bacaan dan hafazan Al-Quran.
- ii) Menilai tahap pengetahuan dan kefahaman pelajar dalam bidang Amali Solat dan Penghayatan Cara Hidup Islam.
- iii) Menilai tahap pengetahuan dan kefahaman pelajar dalam Ilmu Fardhu Ain dan Pengetahuan Islam.
- iv) Menilai kemahiran pelajar dalam membaca dan menulis Jawi.

3. Dalam peperiksaan UPKK, sebanyak 8 mata pelajaran diuji dalam bentuk bertulis dan amali kepada calon iaitu:

- i. Amali Solat
- ii. Penghayatan Cara Hidup Islam
- iii. Al-Quran
- iv. Ulum Syariah (Akidah/Ibadah)
- v. Sirah
- vi. Adab (Akhlak Islamiah)
- vii. Jawi dan Khat
- viii. Lughah Al-Quran

SULIT

PELAKSANAAN UPKK TAHUN 2018

4. Untuk makluman, pada tahun 2018 seramai **220,011** orang calon telah mendaftar untuk menduduki UPKK. Sebanyak **5,903** pusat peperiksaan UPKK telah dibuka di seluruh negara melibatkan **12,730** orang petugas peperiksaan.

5. Pelaksanaan peperiksaan UPKK 2018 adalah seperti berikut:
 - i) Penilaian terhadap **Amali Solat dan Penghayatan Cara Hidup Islam** dibuat bermula **1 Februari 2018** hingga **20 Ogos 2018**;

 - ii) **Ujian Syafawi (Tadarus & Tilawah)** dan hafazan Al-Quran telah diadakan bermula **17 September 2018** hingga **28 September 2018**; dan

 - iii) **Ujian bertulis** telah diadakan pada **1, 2, 3 dan 4 Oktober 2018**.

PENCAPAIAN CALON DAN PRESTASI MATA PELAJARAN

6. Keputusan UPKK dilaporkan berdasarkan **pencapaian calon** dan **prestasi mata pelajaran**.

6.1 Pencapaian calon merujuk kepada sejauh mana calon menguasai pembelajaran Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain dalam kesemua mata pelajaran yang diuji.

SULIT

6.2 Prestasi mata pelajaran pula merujuk kepada sejauh mana calon menguasai pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diukur dalam setiap mata pelajaran yang diuji.

PELAPORAN KEPUTUSAN

7. Kemenjadian murid dilihat melalui hasil keberkesanan proses persekolahan secara keseluruhan. Pencapaian ini selaras dengan apa yang terkandung di dalam Falsafah Pengajian KAFA di mana tujuan pengajian KAFA adalah untuk melahirkan manusia yang terdidik dengan didikan Al-Quran dan As-Sunnah.

8. Kemenjadian murid yang menjadi fokus pelaporan telah diterjemahkan dengan kejayaan murid dalam **Mata Pelajaran Amali Solat dan Penghayatan Cara Hidup Islam (PCHI)** mencatatkan **kadar lulus yang tertinggi iaitu 99.9%**, diikuti mata pelajaran **Al-Qur'an** yang mencapai **99.8%** kelulusan. Pencapaian ini sekaligus **menunjukkan kejayaan pelajar dalam menguasai ibadat solat, Tilawah Al-Qur'an dan mengamalkan cara hidup Islam dalam kehidupan seharian.**

9. Peratusan kelulusan Mata Pelajaran adalah seperti berikut:

Jawi Dan Khat	94.4%
Lughatul Quran	85.6%
Adab (Akhlak Islamiah)	90.9%
Ulum Syariah (Akidah & Ibadah)	87.3%
Sirah	83.1%

SULIT

10. Suka saya tegaskan, kemenjadian murid bukan diukur melalui bilangan A, tetapi ia diterjemahkan melalui amalan dan cara hidup serta pembudayaan nilai-nilai yang telah dipelajari di kelas KAFA dalam kehidupan seharian. Harapan kami adalah untuk menjadikan UPKK sebahagian daripada tanggungjawab bagi menghasilkan warganegara yang seimbang dari sudut pendidikan dan cara hidup sempurna. Penerapan nilai yang diterapkan dalam kelas KAFA tidak lain dan tidak bukan adalah untuk melahirkan anak-anak yang mempunyai sahsiah mulia sebagai generasi pewaris masa hadapan negara.

SEMAKAN KEPUTUSAN

11. Murid-murid yang telah menduduki peperiksaan UPKK 2018 boleh menyemak keputusan peperiksaan melalui dua mekanisme iaitu:

- i) **secara dalam talian** (online) di alamat **<http://semakan.islam.gov.my>**; atau
- ii) melalui **khidmat pesanan ringkas** (short message service - SMS);
UPKK < JARAK > RESULT < JARAK > NO. MYKID / NO. PENGENALAN KHAS ke **mySMS 15888** bermula **Tarikh semakan adalah : 18 Disember 2018, jam 11.00pagi – 25 Disember 2018, jam 11.00 Pagi.**
- iii) Calon boleh mendapatkan pernyataan keputusan peperiksaan UPKK mulai jam **3.00 petang** ini di sekolah masing-masing.

SULIT

PENUTUP

12. Sebagai langkah memperkasakan sistem pendidikan KAFA di Malaysia, JAKIM telah mengambil inisiatif dengan memasukkan elemen nilai dan tahfiz sebagai satu nilai tambah dalam membangunkan kurikulum KAFA yang baru. Selain daripada itu, JAKIM juga telah memperluaskan kerjasama latihan bersama Institut Perguruan Malaysia (IPG) bagi meningkatkan kemahiran pedagogi dan keguruan Guru dan Penyelia KAFA agar seiring dengan hasrat JAKIM untuk meletakkan KAFA dalam sistem arus perdana.

13. JAKIM ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan KAFA khususnya kepada semua Agensi Bertanggungjawab melaksana KAFA di peringkat negeri, pentadbir sekolah, guru-guru, ibu bapa serta pihak media massa.

14. JAKIM juga mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada petugas-petugas peperiksaan UPKK di peringkat persekutuan dan negeri yang terlibat dalam mengurus dan mengendalikan peperiksaan UPKK tahun 2018 dengan penuh bertanggungjawab.

Sekian.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Putrajaya

18 Disember 2018